



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SRI ZAINAL RAHIM
BIN SEMAN
KETUA PENGARAH MAMPU**

**PERHIMPUNAN BULANAN MAMPU
APRIL 2016
&
MAJLIS ANUGERAH CITRA
KHIDMAT 2015**

**“PENCETUS TRANSFORMASI,
CITRA KEGEMILANGAN”**

4 APRIL 2016 (ISNIN)

**AUDITORIUM,
KOMPLEKS JABATAN PERDANA
MENTERI**

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,

Salam Sejahtera,
Salam “1Malaysia: Rakyat
Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”
dan Salam Sehati Sejiwa.

Yang Dihormati Saudara dan Saudari
Pengacara Majlis,

Yang Berusaha Dr. Aizi Razman bin
Ismail,

Timbalan Ketua Pengarah
(Transformasi dan Pemodenan
Pengurusan) MAMPU,

Yang Berusaha Dr. Suhazimah binti
Dzazali,
Timbalan Ketua Pengarah (Teknologi
Maklumat dan Komunikasi) MAMPU,

Ketua-Ketua Perunding ICT Sektor
Awam,

Pengarah-pengarah Bahagian,

Perunding-perunding ICT Sektor
Awam,

Yang Berusaha Dr., tuan-tuan dan
puan-puan Warga MAMPU yang saya
kasihi sekalian.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat berkumpul hari ini untuk menyempurnakan majlis Perhimpunan Bulanan MAMPU bagi bulan April 2016 dan Majlis Anugerah Citra Khidmat (ACK) 2015, MAMPU. Majlis pada pagi ini merupakan satu penghargaan dan juga pengiktirafan kepada warga MAMPU yang telah memberi perkhidmatan cemerlang dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan sentiasa mencapai standard dan kualiti yang

tinggi. Di samping itu, perkhidmatan cemerlang ini memenuhi kehendak dan harapan pemimpin-pemimpin dan pelanggan-pelanggan MAMPU.

PERKHIDMATAN AWAM MEMACU PEMBANGUNAN NEGARA

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Perkhidmatan awam merupakan tonggak utama kepada pentadbiran negara. Sebagai tulang belakang kepada pentadbiran negara, kita bertanggungjawab melaksanakan prakarsa-prakarsa strategik

berpaksikan Dasar Transformasi Nasional demi memacu Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi. Menerusi enam Program Transformasi holistik yang dilahirkan di bawah lembayung Dasar Transformasi Nasional iaitu Program Transformasi Kerajaan, Ekonomi, Politik, Komuniti, Sosial dan juga Fiskal, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mencatatkan 5.0 peratus pada tahun 2015 dan pengurangan defisit fiskal Kerajaan daripada 6.7 peratus (pada 2009) kepada 3.2 peratus (2015).

3. Kita juga telah mencatat kejayaan-kejayaan membanggakan di persada global. Negara berada di tangga ke-18 dalam *Global Competitiveness Index* yang dikeluarkan oleh World Economic Forum bagi tahun 2015-2016, mengatasi sebilangan negara maju seperti Belgium, Luxembourg, Australia, Perancis dan Korea Selatan. Berdasarkan penarafan Bank Dunia pula, Malaysia menduduki tangga lima teratas di Asia untuk *Ease of Doing Business* tahun 2016, selepas Singapura, Korea Selatan, Hong Kong dan Taiwan.

Malaysia turut meraih pengiktirafan antarabangsa apabila dilantik sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2015, dipilih menganggotai Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk tempoh 2015 hingga 2016, dan menganggotai Lembaga Eksekutif UNESCO untuk tahun 2015 hingga 2019. Profil Malaysia di arena global terus melonjak menerusi kejayaan penganjuran *ASEAN Summit and Related Summits* dan *East Asia Summit* tahun lalu.

4. Selain itu, pada tahun lalu juga Perkhidmatan Awam Malaysia telah

berjaya menganjurkan buat julung kalinya *First ASEAN Civil Service Games* dan *Inaugural ASEAN Heads of Civil Service Retreat* dan termeterainya dokumen bersejarah bagi Perkhidmatan Awam ASEAN iaitu Putrajaya *Joint Declaration on ASEAN Post 2015 Priorities Towards an ASEAN Citizen-Centric Civil Service*. Kesemua pencapaian dan pengiktirafan tersebut merupakan keberhasilan komitmen Kerajaan dan kerja keras penjawat awam yang tidak pernah surut.

5. Sukacita saya ingin memaklumkan bahawa Malaysia akan menganjurkan *International Conference on Blue Ocean Strategy: Transforming Nations through Creativity and Innovation* dari 16 hingga 18 Ogos tahun ini. Penganjuran persidangan antarabangsa sedemikian adalah yang julung kali di dunia. Persidangan ini akan melibatkan beberapa orang Ketua Kerajaan/Negara, Menteri-menteri, Pegawai-pegawai Kanan dan peserta-peserta antarabangsa di kalangan negara-negara anggota ASEAN, Komanwel, OIC dan juga dari benua

lain seperti Eropah, Afrika dan Amerika Latin.

6. Dan terbaharu, Malaysia sekali lagi diberikan kepercayaan dan mandat untuk menganjurkan CAPAM *Biennial Conference* secara *back to back* dengan *NBOS International Conference* pada bulan Ogos 2016 di mana sudah semestinya MAMPU telah diberikan tanggungjawab sebagai *lead agency* bagi penganjuran persidangan ini. Ini adalah berdasarkan kepada reputasi unggul MAMPU semasa penganjuran CAPAM *Biennial Conference* 2014 yang telah tuan-tuan

dan puan-puan usahakan. Saya berharap komitmen yang telah tuan-tuan dan puan-puan zahirkan pada tahun 2014 dapat dicetuskan semula, malah dengan lebih semarak lagi pada tahun ini.

PERHIMPUNAN BULANAN MAMPU
APRIL 2016 & MAJLIS ANUGERAH
CITRA KHIDMAT (ACK) 2015

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Majlis Anugerah Citra Khidmat atau lebih dikenali sebagai ACK di MAMPU mempunyai tradisinya yang

tersendiri. Majlis Anugerah Citra Khidmat tahun ini akan menyaksikan penyampaian empat anugerah iaitu Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Anugerah Khidmat Cemerlang MAMPU (AKCM), Anugerah Jubli Perak MAMPU (AJPM) dan Anugerah Khas DDMS. Manakala Anugerah Sanjungan Budi, akan diadakan pada penghujung tahun ini.

8. Seramai 66 orang pegawai akan diberi pengiktirafan melalui pemberian APC pada hari ini. Berdasarkan penelitian saya, ramai pegawai MAMPU yang berprestasi cemerlang.

Walau bagaimanapun berdasarkan sistem kuota tersebut hanya sebilangan kecil sahaja dipilih untuk menerima APC. Saya berharap bagi mereka yang tidak terpilih dapat meningkatkan lagi prestasi ke tahap yang lebih cemerlang supaya tuan-tuan dan puan-puan juga tersenarai di tahun-tahun akan datang. Bagi mereka yang menerima APC pada hari ini, saya menyeru supaya prestasi cemerlang itu digandakan supaya sumbangan yang tuan-tuan dan puan-puan beri dapat melonjakkan MAMPU di persada organisasi awam yang berprestasi

tinggi sama ada di peringkat nasional dan internasional.

9. Sebagaimana di tahun-tahun sebelumnya, penerima APC akan menerima Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Sijil Simpanan Premium bernilai RM 1,000.00. Sebagai penjawat awam kita perlu bersyukur di suasana ekonomi negara yang tidak memberangsangkan dengan kejatuhan harga minyak dan harga komoditi lain yang mana memberi kesan besar terhadap pendapatan kerajaan. Di samping langkah-langkah mengoptimumkan

perbelanjaan kerajaan, majlis penganugerahan APC ini masih dapat diteruskan. Ini menunjukkan kerajaan amat prihatin terhadap sumbangan penjawat awam terhadap perkhidmatan awam.

10. Bagi AKCM pula seramai 83 orang telah dipilih sebagai penerima AKCM. Penerima AKCM akan menerima Sijil Khidmat Cemerlang MAMPU. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada bakal-bakal penerima anugerah ini.

11. Suka juga saya memaklumkan di sini bahawa MAMPU turut menghargai pegawainya yang setia berkhidmat selama 25 tahun di MAMPU. Justeru, pada tahun ini, sekali lagi kita akan menyaksikan penerima Anugerah Jubli Perak MAMPU yang turut diraikan di majlis pada hari ini. Pada tahun ini, penerima anugerah ini ialah Puan Hamdiah binti Mohammed Bujang (Pembantu Tadbir Kewangan, MAMPU Sarawak). Tahniah dan terima kasih jua atas kesetiaan puan selama 25 tahun menyumbang kasih dan berbakti setia kepada MAMPU.

12. Manakala Anugerah Khas DDMS pula disampaikan kepada bahagian yang paling aktif menggunakan DDMS. Pewujudan anugerah ini adalah sebagai pemangkin dan motivasi kepada warga MAMPU untuk menggunakan DDMS dalam pengurusan dokumen di MAMPU. Ini termasuklah dari segi penawanan rekod yang meliputi surat, e-mel, dan minit mesyuarat, pengedaran rekod, rangkaian arahan melalui ruangan “minit”, kekerapan rujukan rekod melalui DDMS dan penggunaan menyeluruh warga bahagian.

TEMA MAJLIS: PENCETUS
TRANSFORMASI, CITRA
KEGEMILANGAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. **“Pencetus Transformasi, Citra Kegemilangan”** telah diangkat sebagai tema untuk penganjuran majlis pada tahun ini. Berdasarkan tema ini sudah cukup memberi gambaran kepada kita bahawa transformasi yang dicetuskan oleh MAMPU membawa kepada warna-warna kegemilangan yang unggul bukan sahaja kepada

MAMPU tetapi kepada negara secara amnya.

14. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak dalam ucapannya pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ketiga Belas (MAPPA XIII) ada menyatakan bahawa **setiap penjawat awam ialah agen transformasi paling hadapan dalam perantaraan di antara rakyat dan kerajaan. Perkhidmatan awam yang bertunjangkan dan berpaksikan rakyat diikat hubungan dengan tersemainya kebolehpercayaan dalam memberikan khidmat paling**

murni tanpa mengira tempat, masa dan rupa.

15. Dalam konteks MAMPU sebagai agensi peneraju transformasi penyampaian perkhidmatan awam yang terbilang, adalah menjadi tanggungjawab MAMPU untuk merealisasikan hasrat ini melalui pembudayaan penghasilan inovasi-inovasi baharu berkaitan dengan urusan tadbir pejabat yang lebih berkesan. Dengan adanya inovasi-inovasi ini, maka akan lebih banyak wadah yang boleh kita gunakan dalam menyebarkan luas legasi perkhidmatan awam.

Capaian kepada perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan akan menjadi lebih mudah bagi rakyat. Perkara ini ternyata selaras dengan hasrat kerajaan dalam memastikan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan berpaksikan rakyat (*people centric*).

16. Saya percaya, inovasi-inovasi yang dihasilkan oleh MAMPU seperti myIDENTITY, 1MOCC, Galeri Mudah Alih Kerajaan Malaysia (GAMMA), dan myGov Mobile akan mendekatkan lagi MAMPU secara tidak langsung dengan rakyat. Saya juga amat optimis bahawa

kepuasan rakyat terhadap perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan ini merupakan kayu ukur kepada pencapaian sebenar petunjuk prestasi utama (*key performance indicator, KPI*) MAMPU. Pencapaian inilah yang memberi citra kegemilangan kepada MAMPU. Lebih daripada itu, ternyata tuan-tuan dan puan-puan warga MAMPU sekalianlah yang menjadi tunjang dan tulang belakang kepada kegemilangan MAMPU pada hari ini.

MAMPU TERBILANG UNGGUL
MEMACU TRANSFORMASI

Hadirin yang dihormati sekalian,

17. Bukan mudah liku yang perlu dilalui oleh MAMPU untuk mencapai kejayaan seperti pada hari ini. Perjalanan ini penuh dengan simpang dan selekoh yang kadang kala ada masanya membuatkan kita terbabas sedikit. Namun itu bukanlah alasan untuk kita menolak amanah yang telah digalas ke atas bahu kita.

18. Sikap seperti suka menolak kerja, berlengah dan bekerja *in silo* merupakan sikap yang harus dikikis dari dalam diri setiap warga MAMPU.

Hal ini kerana ia merupakan punca kepada keruntuhan legasi yang cemerlang. Sebaliknya, kebertanggungjawaban, pemilikan atau *ownership*, *sense of urgency* dan bekerja secara *seamless* harus dijadikan budaya kerja oleh setiap warga MAMPU. Kerjasama dan komitmen perlu ada supaya misi dan objektif bagi sesuatu tugas yang diamanahkan berjaya dicapai dengan jayanya. Inilah yang dinamakan keunggulan dalam bekerja yang pada akhirnya nanti akan menjadi batu loncatan untuk kita terus memacu

transformasi seiring dengan pembangunan negara.

PENUTUP

19. Justeru saya menyeru kepada semua warga MAMPU agar meneruskan budaya kecemerlangan ini untuk kegemilangan legasi yang unggul di persada kebitaraan.

Penakek pisau seraut,
Ambil galah batang lintubong,
Seludang ambil ke nyiru,
Setitis jadikan laut,
Sekepal jadikan gunung,
Alam terkembang jadikan guru.

Insyah Allah, MAMPU akan terus
mengekekalkan kecemerlangannya.

Sekian,

*Wabillahi tawfiq wal hidayah,
Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.*